PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LANJUTAN TARIKH TUTUP IKLAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Pemakluman ini adalah berhubung dengan kenyataan tawaran Sebut Harga dibawah bertarikh **20 Mei 2025 (Selasa)** dan dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti jadual di bawah bagi tawaran berikut:

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR BEKALAN/PERKHIDMATAN	KOD BIDANG KEMENTERIAN KEWANGAN	TARIKH DAN WAKTU TUTUP (LANJUTAN)
MDA/SH/04/2025	Tawaran Sebut Harga Perkhidmatan Pengujian Peranti Perubatan Yang Terlibat Dengan Aduan Prestasi Dan Keselamatan	**222705** (wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga)	**13 Jun 2025 (Jumaat)** **12:00 tengahari**

2. Adalah dimaklumkan bahawa tawaran Sebut Harga dilanjutkan seperti jadual di atas.

3. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di atas serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga akan diberikan nombor siri untuk tujuan pengawalan.

4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat sehingga **13 Jun 2025 (Jumaat)** di Pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan dengan harga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan**. Wang Tunai/ Cek tidak diterima.

5. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dihantar ke pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II, Blok 3547 Persiaran APEC, 63000 Cyberjaya, Selangor. Penyebut harga hendaklah mengemukakan Cadangan Sebut Harga **sebelum atau jam 12:00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga** iaitu pada **13 Jun 2025 (Jumaat)**. Tawaran sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

6. Pihak Berkuasa Peranti Perubatan tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga. Semua perbelanjaan berkaitan dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab penyebut harga sendiri.